

Headline	IPT turut cangkil bakat berniaga pelajar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	L-F8	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	430 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faizatul Farhana Farush Khan	AdValue	MYR 14,558
Frequency	Daily	PR Value	MYR 43,674



# IPT turut cangkil bakat berniaga pelajar

» SEA perkasa budaya keusahawanan mahasiswa, lahir usahawan berdaya saing

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bharian.com.my

► Bangi

Generasi muda di institusi pengajian tinggi (IPT) perlu lebih peka merebut peluang perniagaan di tempat masing-masing dengan mengambil kira jumlah pelajar yang ramai sebagai sumber pasaran sihat dan kuasa membeli yang tinggi

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata tawaran belajar di IPT memberi peluang pelajar meneroka pasaran dan memulakan perniagaan walaupun pada skala kecil-kecilan.

Senario di institusi itu sendiri katanya, dapat menjana pendapatan dan perlu direbut pelajar dengan menjadikan perniagaan sebagai aktiviti selepas menghadiri kuliah.

"Pembabitan awal memberi peluang pelajar meningkatkan kemahiran perniagaan dengan mengambil kira risiko dan peluang yang ada, selain mengenai pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu perniagaan.

"Pelajar boleh memanfaatkan masa terluang dengan menyertai aktiviti yang dapat menjana pendapatan sama ada anjuran pihak universiti, agensi kerajaan mahupun swasta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Ramah Mesra dan Majlis Pelancaran Student Entrepreneurship Association (SEA) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di UniKL Malaysia France Institute (UniKL MFI) di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi UniKL, Datuk Dr Adham Baba; Presiden



Mukhriz (tengah) bersama pelajar UniKL - MFI pada majlis pelancaran SEA universiti berkenaan di Bangi, baru-baru ini. (FOTO OWEE AH CHUN / BH)

“Pelajar boleh memanfaatkan masa terluang dengan menyertai aktiviti yang dapat menjana pendapatan sama ada anjuran pihak universiti, agensi kerajaan mahupun swasta”

**Mukhriz Mahathir,**  
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Profesor Dr Mazliham Mohd Su'ud, Timbalan Presiden (Teknousahawan & Hal Ehwal Mahasiswa) UniKL, Profesor Datuk Ahmad Zahir Mokhtar dan Dekan UniKL MFI, Profesor Madya Haron Abas.

SEA diselaja Pusat Keusahawanan Mahasiswa (CSE) UniKL, bertujuan memperkasa budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa yang bergiat aktif dalam aktiviti berkenaan, bagi melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing.

Inisiatif berkenaan mendedahkan mereka kepada kemahiran terutama mengenai pengetahuan asas menceburi perniagaan selepas menamatkan pengajian.

Sementara itu, penuntut semester enam program pengajian Ijazah

Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi Mekatronik, Fakhruil Hazim Azmi, 24, berkata SEA menjadi platform mengubah corak berfikir pelajar merebut peluang perniagaan pada usia muda.

Usaha itu kata beliau, dapat mewujudkan budaya suka berniaga dalam masyarakat dan tidak bergantung kepada kerjaya 'makan gaji' semata-mata sebaik menamatkan pengajian.

Dia yang juga pemilik restoran D'Melor Bistro di Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Selangor dan juga Pengarah Azym Procurement iVentures menyifatkan pembabitan dalam perniagaan memberi sumbangan besar kepada masyarakat menerusi tawaran peluang pekerjaan, perkhidmatan dan penjagaan ekonomi secara berterusan.